



KOPI PAHIT

Sebuah motorbot Indonesia bersenjata telah mengejar sebuah motorbot Cina yang memuat getah serta 18 orang Indonesia sehingga ke laut kawasan Singapura. Bukan itu sahaja tetapi motorbot bersenjata kerajaan Indonesia, mengikut berita akhbar, telah menembak dan kemudiannya memukuli orang-orang di dalamnya yang telah mendaratkan perahuannya di Pulau Senang. Kejadian ini adalah menjadi bukti yang nyata tentang tulisan-tulisan wakil “Qalam” dari Indonesia yang meriwayatkan bagaimana ganasnya tentera Indonesia itu. Apakah ini bukan satu perbuatan yang ganas selain daripada melanggar tatatertib bangsa-bangsa?

* * *

Kejadian-kejadian yang berlaku tentang perbuatan yang tersebut di atas ini tersiar dengan besarnya dalam akhbar-akhbar tempatan Singapura, kecuali akhbar Melayu. Orang-orang bertanya: Mengapa? Jawabnya mudah sahaja - bukankah jabatan penerangan Indonesia telah memberi jamuan makan istimewa kepada wartawan-wartawan akhbar itu yang hendak berpindah ke Persekutuan Tanah Melayu?

* * *

Mengadakan jamuan oleh sebuah jabatan kerajaan asing kepada sebuah akhbar tempatan adalah menjadi satu pertanyaan yang besar, kerana adakah perhubungan yang mendalam di antara jabatan asing itu dengan akhbar tempatan

untuk sesuatu muslihat asing di negeri ini? - Ini satu soal yang timbul daripadanya.

* * *

Seorang Pegawai Konsul Indonesia, dikatakan sedikit masa dahulu telah pernah bertanya kepada Yang di-Pertua Persatuan Wartawan Melayu Singapura: mengapa saudara Abdullah Hussin dilantik menjadi setiausaha persatuan wartawan itu? Cara-cara ini nampak bahawa jabatan asing cuba memasuki masyarakat Melayu untuk menyingkirkan orang-orang yang tidak disukainya - Apa betulkah begitu, Bung?

* * *

Dalam pilihanraya di Batu Pahat sekarang nampaknya - baik lawan apa lagi kawan - berharap supaya Datuk Onn menang - mengapa? Kerana di dalam kerajaan Perikatan sekarang tidak ada orang yang sebenar-benarnya boleh jadi pembangkang. Orang seperti Onn, kata mereka, mustahak betul!

Tidak mustahaknya terpulang kepada keinsafan pengundi-pengundi sebelum nasi menjadi bubur!

* * *

Di Singapura telah diperundang-undangkan: Menteri-menteri tidak boleh mengadakan “kempen-kempen” untuk partinya dalam pilihanraya bandaraya nanti - Ini bagus! Kerana orang-orang yang memerintah kalau campur sedikit sebanyak ada kesegenan orang kepadanya. Cara seperti ini patut diikut oleh kerajaan persekutuan. Di sana hingga sekarang menteri-menteri masih bekerja keras mengenalkan calon-calonnya.

- Cemati al-Farouk.